

Headline	457 premis dikesan buat pendawaian haram		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	31 Jan 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	11	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 671
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,013



457 premis dikesan buat pendawaian haram

Sandakan: Sebanyak 457 premis di seluruh Sabah dikesan menggunakan elektrik secara curang sepanjang tahun lalu.

Ia membabitkan 291 pengguna komersial diikuti 163 pengguna domestik serta tiga pengguna industri yang dikesan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di negeri ini.

Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST) Pantai Timur Sabah, Mohd Yusrul Yusof, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 122 premis diperiksa ST dengan lapan kertas siasatan dibuka bagi dakwaan kesalahan mengguna-

kan elektrik secara curang.

Boleh undang bahaya

“Hasil pemeriksaan, kita dapati kebanyakan premis membuat pendawaian secara ‘by-pass’ supaya meter tidak dapat merekodkan bacaan sebenar penggunaan elektrik.

“Aktiviti ini bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dan Sabah khususnya, malah mengundang bahaya renjatan elektrik kepada pengguna.

“Ia juga mampu mengakibatkan berlaku litar pintas,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Mohd Yusrul berkata, ST tidak teragak-agak mengambil tindakan ke atas premis dikesan menggunakan elektrik secara curang termasuk mengambil tindakan undang-undang.

-Katanya, pengguna yang disabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali, bagi pengguna domestik.

“Sementara pengguna komersial dan industri, mereka boleh didenda sehingga RM5 juta atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.



Anggota Suruhanjaya Tenaga membuat pemeriksaan ke atas premis yang melakukan kesalahan elektrik.